

Persisi atur persiapan utk dua pertandingan

PENCAK SILAT

BEBERAPA rancangan baru akan dilaksanakan oleh Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk meningkatkan kelakonan dan ketangkasan para pesilat Singapura sebagai persiapan menghadapi pertandingan-pertandingan antara-bangsa di masa depan.

Pertandingan-pertandingan ini termasuklah Pesta Silat Asean Keenam di Kuala Lumpur pada September 1983 dan Pertandingan Silat Olahraga Antarabangsa Kedua di Negeri Belanda dalam 1984.

Rancangan-rancangan baru yang akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada awal tahun depan itu ialah:

- Mengadakan latihan pusat untuk menentukan kecergasan jasmani setiap pesilat dan kemahiran dalam peraturan-peraturan pertandingan.

- Jawatankuasa Pertandingan Persisi diberi kuasa untuk menapis kelakonan pesilat-pesilat sebelum mereka dipilih mewakili Persisi atau Singapura.

- Setiap pesilat yang mewakili Persisi

atau Singapura mestilah mempunyai kemahiran dalam kedua-dua bidang iaitu silat seni dan olahraga.

- Jawatankuasa Pertandingan akan memberi taklimat yang lengkap kepada pegawai serta guru silat yang dilantik untuk mengetuai satu-satu pasukan.

Rancangan-rancangan ini adalah berdasarkan pengalaman yang diperolehi Persemesean mengambil bahagian dalam Pertandingan Asean Kelima dan Pertandingan Silat Olahraga Antarabangsa Pertama pada bulan lalu.

Latih setiap hari

Dalam pertandingan itu, Singapura hanya mampu memenangi sebutir pingat emas dan enam gangsa.

Mengumumkan demikian di majlis kesukuran di balai rakyat Eunus Crescent kerin, Setiausaha Agung Persisi, Encik Joh H.M. Uriff, menyatakan bahawa langkah langkah perlu diusahakan untuk memastikan kelakonan dan ketangkasan para pesilat Singapura dalam dua pertandingan besar di masa depan.

Beliau menerangkan bahawa dengan adanya latihan pusat dan penapisan, para pesilat-pesilat yang baik akan dipilih untuk mewakili Republik ini.

Sebelum ini, para pesilat dipilih berdasarkan kepada saranan-saranan yang diberikan oleh guru-guru silat atau kerabat Persisi yang sebanyak 11 buah itu.

Pentingnya latihan untuk menamunkan ketangkasan dan kecergasan para pesilat telah juga ditekankan Naib Presiden Persisi Encik A. Rahim Dayan.

Encik Rahim menyatakan bahawa para pesilat itu mestilah berlatih dengan gigih dan sekarang supaya mereka dapat membandingkan yang sewajarnya bila menentang para pesilat dari luar negeri.

"Untuk menambah kecergasan dan meningkatkan teknik bersilat olahraga, para pesilat seharusnya berlatih, jika boleh setiap hari, katanya sambil menambah bahawa para pesilat Indonesia berlatih sekurang-kurangnya dua jam sehari sebelum menghadapi pertandingan.

20 SEP 1982